

Anwar, Putin dijadual bertemu

PM ke Vladivostok atas undangan, bincang kerjasama ekonomi antara dua negara

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
Hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Petaling Jaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim akan bertemu pemimpin Russia, Presiden Vladimir Putin, di Vladivostok dalam tempoh beberapa minggu lagi.

Perdana Menteri berkata, pertemuan itu adalah atas undangan Putin, bagi membincangkan soal kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara.

“Beberapa minggu lagi saya akan ke Vladivostok, di pinggir Russia, untuk menerima undangan Presiden Putin bagi berbincang soal kerjasama ekonomi.

“(Ini) meletakkan kita sebagai antara negara yang pertahankan pendirian kota yang bebas, dan tidak mengambil sikap untuk bermusuhan dengan sesiapa.

“Prinsip kita adalah jelas, tetap pertahankan kebebasan, tolak kezaliman, tidak mengizinkan mana-mana negara kelompok menindas, menghina dan membu-

nuh rakyat kita yang tidak berdosa,” katanya berucap pada majlis perasmian ibu pejabat GXBank dan pelancaran pusat kecemerlangan di sini, semalam.

Perjuangkan nasib Gaza

Anwar menegaskan, dalam isu Gaza, beliau bersuara lantang kerana prinsip kemanusiaan.

“Tak perlu cakap pasal kebebasan apabila anda dibutakan dengan kekejaman yang melampau, tidak kira mangsa adalah Muslim, Hindu, atau Buddha. Berpegang teguh tanpa kompromi,” katanya.

Anwar berkata, kerajaan mengambil pendekatan lebih terbuka dalam ekonomi dengan mengamalkan dasar terbuka de-

ngan semua negara.

“Apa saja yang boleh selamatkan bangsa dan negara, memacu pertumbuhan dengan segar, apa saja kerangka yang memungkinkan kita berdagang dengan semua negara, dan pertahankan keamanan dan kepentingan ekonomi negara, kita akan terbuka.

“Kita mengambil sikap cukup terbuka untuk bersahabat dengan semua, berdagang dengan semua asalkan kita kekal sebagai negara yang bebas merdeka dan berdaulat,” katanya.

“Kita kekal hubungan tradisional dengan Amerika Syarikat (AS) kerana pelaburan dari soal umpamanya pendigitalan awal, itu banyak pelaburan dari AS, Eropah,” katanya.

PM, Srettha lawat Sungai Golok

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatnya dari Thailand, Srettha Thavisin, akan mengadakan lawatan kerja bersama ke Sungai Golok, Narathiwat, Thailand dan Rantau Panjang, Kelantan hari ini.

Wisma Putra memaklumkan, lawatan itu bertujuan menilai kemajuan projek naik taraf jambatan menghubungkan Rantau Panjang-Sungai Golok, antara inisiatif utama kesalinghubungan sempadan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri akan diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Natusion Ismail; Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud.